

KLBC sokong forum penjenamaan antarabangsa

GLOBAL Brand Forum – forum penjenamaan antarabangsa anjuran Media Prima Bhd yang julung kali diadakan di negara ini menerima satu lagi suntikan apabila mendapat sokongan daripada Kuala Lumpur Business Club (KLBC).

Sokongan itu diterima menerusi perkongsian pintar antara kedua-dua pihak yang mana KLBC bakal menjadi hos satu majlis makan malam sempena penganjuran forum berkenaan Disember ini.

KLBC yang ditubuhkan pada 2003 adalah organisasi yang berperanan membina rangkaian dan menyokong pembangunan kepemimpinan perniagaan, dengan dianggotai kira-kira 100 ahli yang kebanyakannya adalah

ketua industri.

Ketua Eksekutif Rangkaian Televisyen Kumpulan Media Prima Bhd, Datuk Seri Farid Ridzuan, berkata sokongan yang diterima daripada KLBC itu akan membolehkan forum berkenaan mencapai matlamatnya untuk meningkatkan kesedaran penjenamaan di kalangan ahli perniagaan tempatan.

“Kami sangat berbesar hati menerima sokongan daripada KLBC dan yakin forum ini turut mendapat sokongan ahlinya,” katanya pada sidang media selepas taklimat Global Media Forum kepada ahli KLBC di Petaling Jaya, semalam.

Hadir sama, Presiden KLBC yang juga Pengerusi Ethos Capital Sdn Bhd, Ro-

hana Mahmood; Naib Presiden KLBC yang juga Ketua Eksekutif Tune Money Sdn Bhd, Tengku Zafrul Tengku Aziz dan Pengarah Perniagaan Global Brand Forum, Joji George.

Farid yang juga Ketua Eksekutif Media Prima International berkata, pengalaman dan keupayaan semua penceramah yang akan hadir pada forum itu untuk berkongsi kepakaran masing-

masing adalah peluang terbaik kepada peserta industri tempatan membina jenama mereka sendiri.

“Forum ini adalah jawapan kepada seruan kerajaan untuk membangunkan jenama kukuh dari negara ini selain turut memberi inspirasi kepada syarikat tempatan berkembang ke peringkat antarabangsa,” katanya.

Mengulas kepentingan memiliki jenama kukuh dalam situasi ekonomi tidak menentu, Farid berkata, pembinaan jenama bukan hanya perlu pada keadaan ekonomi baik, tetapi ia adalah satu proses berterusan.

“Kadangkala, krisis ekonomi turut menyediakan peluang kepada perniagaan, justeru, dengan adanya penjenamaan

yang betul, sesebuah syarikat mampu bertahan dalam apa juga keadaan,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, setakat ini Global Brand Forum sudah menerima maklum balas baik dengan tempahan dijangka dipenuhi dalam tempoh beberapa minggu yang terdekat ini.

“Kami akan mempertingkatkan promosi bermula pertengahan bulan depan dan menjangka penyertaan daripada pelbagai sektor, termasuk agensi kerajaan,” katanya.

Global Brand Forum bertema ‘Melahirkan Jenama Peneraju’ yang mendapat jolokan ‘Davos of Branding’ dan bakal dianjurkan di Golden Palace Horses itu dijangka menarik penyertaan 700 peserta.

FAKTA NOMBOR

100
ahli

Kuala Lumpur Business Club
(KLBC)